

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)42**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

42. Nyatakan secara terperinci kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Negeri untuk memastikan pembekalan air dalam negeri adalah mencukupi untuk keperluan Pulau Pinang dalam jangka masa panjang.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

42. Kerajaan Negeri mempunyai hubungan yang baik dengan Kerajaan Persekutuan dan kedua-dua pihak komited untuk memastikan pembekalan air adalah mencukupi untuk keperluan Pulau Pinang dalam jangka masa panjang.

Sehingga kini, Kerajaan Persekutuan memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam perbincangan di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Negeri Perak dalam memastikan projek pembekalan air terawat dari Negeri Perak ke Pulau Pinang dapat mencapai persetujuan bersama.

Perkara ini terbukti apabila Kerajaan Negeri Perak mengemukakan surat hasrat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Skim Penjualan Air Terawat dari Negeri Perak ke Negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga telah mengemukakan draf surat balas hasrat tersebut kepada Kerajaan Negeri Perak di mana salah satu hasrat utama adalah agar pelaksanaannya dapat disegerakan melalui usaha bersepadu kedua-dua negeri bagi mendapatkan kelulusan serta pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan supaya kerja-kerja awalan projek ini dapat dimulakan selewat-lewatnya pada tahun 2025.

Perkara ini juga telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri melalui ucapan Belanjawan Madani Ketiga Tahun 2025 yang telah meluluskan projek Penyaluran Air Mentah Sungai Perak untuk bekalan air di kawasan Utara Perak dan Pulau Pinang sebagai salah satu projek kepentingan rakyat serta kemudahan yang menyokong kawasan perindustrian Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP).

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama dengan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan permohonan projek-projek pembangunan sumber air yang telah diangkat kepada Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) dapat diberi keutamaan dalam pembiayaan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia. Sehingga kini Kerajaan Persekutuan

melalui PETRA telah menyalurkan peruntukan sebanyak lebih kurang RM1 bilion kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pembangunan melibatkan Pakej di bawah Projek Pembesaran Empangan Mengkuang dan projek-projek pembangunan sumber air lain untuk memastikan keterjaminan sumber air mencukupi bagi memenuhi permintaan bekalan air yang tinggi kepada penduduk Negeri Pulau Pinang.